



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Aras 26-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Telefon : 603-8891 5000
Faksimile : 603-8891 3090
Laman Web : <http://jkt.kpkt.gov.my>

Ruj.Kami : JKT.KS.1400-2 Klt.5 (7)
Tarikh : 31 Januari 2024

EDARAN MELALUI PORTAL JKT:

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi
Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan,

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 4/2024 (21 hingga 27 Januari 2024)

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan, berdasarkan data Kementerian Kesihatan Malaysia pada minggu epid **4/2024**, sebanyak **3,781 kes** Demam Denggi dengan **7 kes** kematian dilaporkan, berbanding minggu epid **3/2024** iaitu **3,971 kes** dengan tiada kes kematian dilaporkan. Secara kumulatifnya, kes denggi yang dilaporkan sehingga 27 Januari 2024 adalah sebanyak **14,458 kes** berbanding **8,968 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun 2023, iaitu berlaku **peningkatan** sebanyak **61.2% (5,490)**. Perbandingan bilangan kes pada tahun 2023 dan 2024 ditunjukkan di **Lampiran A**.

3. Pada **minggu epid 3/2024** sebanyak **127 lokaliti hotspot aktif** dilaporkan di seluruh negara berbanding **148 lokaliti** pada **minggu epid 04/2023**. Ini menunjukkan **peningkatan** sebanyak **16.5% (21 lokaliti)**. Maklumat lokaliti *hotspot* mengikut negeri dan PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

4. Bagi PBT yang mempunyai lokaliti *hotspot*, aktiviti kawalan sebagaimana dalam Pelan Tindakan Kawalan Denggi PBT di Lokaliti *hotspot* yang disediakan oleh KPKT hendaklah dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada (5) lima kawasan utama pembiakan aedes seperti taman mainan atau rekreasi, tumpuan awam, tanah atau lot kosong, kilang atau gudang dan tempat pembuangan sampah bagi memastikan wabak denggi dapat dikawal.

Ruj.Kami: JKT.KS.1400-2 KIt.5 (7)
Tarikh : 31 Januari 2024

5. Untuk makluman YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan, situasi semasa Demam Denggi di Malaysia ini juga boleh diakses dan dimuat-turun dari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat <https://jkt.kpkt.gov.my/>.

6. Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk / YH Dato' / Dato' / Datu / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" MALAYSIA MADANI "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,

(OOI POH KEONG)

Pengarah

Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran,

b.p. Ketua Pengarah,

Jabatan Kerajaan Tempatan,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

s.k: i. YBhg. Dato' KP/ JKT
ii. TKP(T)/ JKT
iii. Fail


HIGHLIGHT SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA SEHINGGA MINGGU EPID 4/2024

BIL.	JUMLAH	PERBANDING (Tempoh Yang Sama)					
		Minggu Epid		Peningkatan Kes (%)	Tahun		Peningkatan Kes (%)
		3/2024	4/2024		2023	2024	
1.	Kes Denggi Dilaporkan	3,971	3,781	-190 (4.8%)	8,968	14,458	5,490 (61.2%)
2.	Kes Kematian Denggi	0	7	7	4	9	5 (125%)
3.	Lokaliti Hotspot Denggi	127	148	21 (16.5%)			

HIGHLIGHT SITUASI HOTSPOT DENGGI AKTIF MENGIKUT NEGERI DAN PBT

BIL.	NEGERI	BIL. HOTSPOT DENGGI DILAPORKAN				BIL. PBT TERLIBAT			
		Minggu Epid		Peningkatan Hotspot (%)	Minggu Epid		Peningkatan PBT		
		3/2024	4/2024		3/2024	4/2024			
1.	Selangor	105	124	19 (18%)	9	9	0		
2.	Wilayah Persekutuan	13	14	1 (8%)	1	1	0		
3.	Kedah	1	0	-1	1	0	-1		
4.	Pulau Pinang	2	1	-1 (50%)	1	1	0		
5.	Sabah	0	1	1	0	1	1		
6.	Perak	3	3	0	1	1	0		
7.	Negeri Sembilan	3	5	2 (67%)	1	2	1		

PERBANDINGAN KES DENGGI BAGI TAHUN 2023, 2024 DAN MEDIAN (2019-2023)



LAMPIRAN B

JUMLAH HOTSPOT AKTIF MINGGU EPID (ME) 3 DAN 4 MENGIKUT NEGERI
TAHUN 2024

Bil.	Negeri	ME 3/2024		ME 4/2024	
		Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat	Bil. hotspot	Bil. PBT terlibat
1.	Selangor *	105	9	124	9
2.	Wilayah Persekutuan	13	1	14	1
3.	Kedah	1	1	0	0
4.	Pulau Pinang	2	1	1	1
5.	Sabah	0	0	1	1
6.	Perak	3	1	3	1
7.	Negeri Sembilan	3	1	5	2
	JUMLAH	127	12	148	12

BILANGAN HOTSPOT AKTIF DI NEGERI SELANGOR*

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	ME 3/2024	ME 4/2024
1.	MB Petaling Jaya	17	19
2.	MB Shah Alam	15	18
3.	MP Klang	9	12
4.	MP Ampang Jaya	11	13
5.	MP Kajang	24	33
6.	MP Selayang	10	11
7.	MB Subang Jaya	16	15
8.	MD Hulu Selangor	2	2
9.	MP Kuala Langat	1	1
	JUMLAH	105	124